



KOD ETIKA

JABATAN KERJA RAYA

NO. SIRI : JKR 20700-0244-15
JAN 2016




KANDUNGAN

- 1. VISI JKR**
- 2. MISI JKR**
- 3. OBJEKTIF**
 - i) OBJEKTIF JKR**
 - ii) OBJEKTIF KOD ETIKA**
- 4. KOD ETIKA JABATAN KERJA RAYA (JKR)**
 - i) NILAI-NILAI TERAS**
 - ❖ Berkhidmat Untuk Rakyat
 - ❖ Bertanggungjawab Dan Akauntabiliti
 - ❖ Berhemah Dan Berwibawa
 - ❖ Integriti
 - ii) ETIKA KERJA**
 - ❖ Profesionalisme
 - ❖ Kecemerlangan
 - ❖ Bertindak Sebagai Satu Pasukan
 - ❖ Keupayaan Bekerjasama Dengan *Stakeholders*
 - ❖ Mewujudkan Suasana Pembelajaran Sepanjang Hayat



VISI





Kami akan menjadi pemberi perkhidmatan bertaraf dunia dan pusat kecemerlangan dalam bidang pengurusan aset, pengurusan projek dan kejuruteraan untuk pembangunan infrastruktur negara berteraskan modal insan yang kreatif dan inovatif serta teknologi terkini.





MISI



Misi JKR ialah untuk menyumbang kepada pembangunan negara dengan:

- ❖ Membantu pelanggan merealisasikan maklumat dasar dan menyampaikan perkhidmatan melalui kerjasama sebagai rakan kongsi strategik.
- ❖ Mempinai proses dan sistem Jabatan untuk memberikan hasil perkhidmatan yang konsisten.
- ❖ Menyediakan perkhidmatan pengurusan aset dan projek yang efektif dan inovatif.
- ❖ Mengukuhkan kompetensi kejuruteraan sedia ada.
- ❖ Membangunkan modal insan dan kompetensi baru.
- ❖ Mengutamakan integriti dalam memberikan perkhidmatan.
- ❖ Membina hubungan harmoni dengan masyarakat.
- ❖ Memulihara alam sekitar dalam penyampaian perkhidmatan.



OBJEKTIF JKR

Menyerahkan produk dan melaksanakan perkhidmatan penyenggaraan yang menepati kualiti, masa dan kos yang ditetapkan bagi mencapai faedah aset yang optimum



OBJEKTIF KOD ETIKA

Memantapkan Integriti Dan Nilai-Nilai
Murni Warga JKR Dalam
Menunaikan Tanggungjawab Sebagai
Penjawat Awam



**KOD ETIKA JKR UNTUK
DIGUNA PAKAI OLEH
WARGA KERJA
JABATAN KERJA RAYA**

NILAI - NILAI TERAS

- ❖ Berkhidmat Untuk Rakyat
- ❖ Bertanggungjawab & Akauntabiliti
- ❖ Berhemah & Berwibawa
- ❖ Integriti



BERKHIDMAT UNTUK RAKYAT

Setiap warga JKR hendaklah sentiasa bersedia untuk berkhidmat kepada rakyat dengan penuh keikhlasan serta berusaha untuk meningkatkan pembangunan negara dan kesejahteraan rakyat.

BERTANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI

Setiap warga JKR hendaklah mempunyai sikap bertanggungjawab terhadap produk dan perkhidmatan bagi menjamin keyakinan rakyat

Ciri-ciri sikap bertanggungjawab:

- ❖ **Akauntabiliti :**
 - *Etika warga JKR haruslah bergerak selari dengan akauntabiliti sebagai penjawat awam; dan*
 - *Obligasi warga JKR untuk memberi jawapan dan penjelasan mengenai tindakan dan prestasinya kepada pihak yang berhak untuk mendapatkan jawapan dan penjelasan tersebut.*

- ❖ **Sentiasa prihatin dan berpegang teguh kepada polisi, peraturan dan undang-undang yang berkaitan dengan bidang kerja.**



BERTANGGUNGJAWAB DAN AKAUNTABILITI (SAMB.)

- ❖ Melaporkan perlakuan yang tidak beretika atau menyalahi polisi, peraturan dan undang-undang kepada pihak pengurusan atau sesiapa yang berkaitan.



BERHEMAH DAN BERWIBAWA

Setiap warga JKR perlu mempunyai budi pekerti yang mulia serta berkemampuan dalam melaksanakan tugas secara bijaksana.

Sentiasa adil dan saksama dalam membuat keputusan, tidak berat sebelah dan juga sentiasa bersikap objektif. Keputusan yang dibuat haruslah bebas daripada kepentingan peribadi, prejudis dan pilih kasih.



Ciri-ciri Berhemah dan Berwibawa:

- ❖ Sentiasa amanah dan berakhlak.
- ❖ Bertimbangrasa, mesra dan saksama.
- ❖ Tegas, tepat dan telus dalam membuat keputusan.
- ❖ Sentiasa tenang, sabar dan dapat menyesuaikan diri dalam semua keadaan.
- ❖ Bersedia mendengar teguran dan kritikan.
- ❖ Memberi layanan yang terbaik kepada pelanggan.
- ❖ Sentiasa peka dan berusaha untuk memulihara alam sekitar.
- ❖ Bersyukur, menghargai dan redha di atas setiap nikmat, bekerja dengan penuh tekun, patuh kepada arahan, sabar menerima dugaan dan sanggup mengorbankan masa serta tenaga demi kepentingan jabatan, negara serta agama.
- ❖ Sentiasa mempunyai keyakinan diri yang tinggi dan memiliki sifat rendah diri.
- ❖ Memupuk sifat positif iaitu sentiasa berusaha ke arah kejayaan yang diinginkan
- ❖ Menanam sifat ingin belajar secara berterusan untuk memperbaiki diri sendiri.
- ❖ Mempunyai keazaman untuk berubah dengan menggunakan ilmu yang dipelajari.

INTEGRITI

Setiap warga JKR hendaklah membudayakan integriti dengan menerapkan nilai-nilai murni dan beretika sebagai amalan hidup seharian secara

Ciri-ciri integriti yang perlu diterap dan dipraktik:

● RESPONSIF

Mengambil tindakan segera terhadap segala aduan, kelemahan/ masalah yang timbul.

● PRIHATIN

Mengambil berat terhadap perubahan persekitaran masalah yang dihadapi .

● AMANAH

Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan ikhlas dan penuh kejujuran. Memastikan tidak menerima rasuah melakukan sogokan, membuat peras ugut atau meminta ganjaran di atas pertolongan yang diberi.



● **FIKIRAN TERBUKA**

sedia menerima teguran, kritikan dan tunjuk ajar untuk penambahbaikan.

● **TELUS**

Tidak menyembunyikan maklumat umum dalam segala urusan. Memastikan tidak berlaku sebarang aktiviti melibatkan kepentingan peribadi yang boleh membuka ruang dan peluang kepada penyalahgunaan kuasa.

● **BIJAKSANA**

Bertindak dengan penuh hemah dan rasional ke arah pencapaian matlamat dan hasil yang berkualiti

● **ADIL**

Membuat sesuatu keputusan serta melaksanakan tindakan mengikut kehendak undang-undang yang ditetapkan.

● **BENAR**

Membuat pernyataan sama ada secara lisan atau secara penulisan berdasarkan apa yang didengar atau dilihat tanpa sebarang pengurangan



ETIKA KERJA

- ❖ Profesionalisme
- ❖ Kecemerlangan
- ❖ Bertindak Sebagai Satu Pasukan
- ❖ Keupayaan Bekerjasama Dengan Stakeholders
- ❖ Mewujudkan Suasana Pembelajaran Sepanjang Hayat



PROFESIONALISME

Setiap warga JKR perlu mempunyai ilmu pengetahuan yang tinggi, kemahiran yang mencukupi dan berintegriti bagi menjalankan tugas dan tanggungjawab mereka.

Ciri-ciri Profesionalisme:

- ❖ Mempunyai kemahiran, kebijaksanaan, kemampuan dan iltizam (komitmen) yang tinggi dalam menjalankan tugas.
- ❖ Mempunyai sikap menepati dan menghargai masa.
- ❖ Mengamalkan kejujuran, adil dan tidak mementingkan diri.
- ❖ Mempunyai daya kreativiti dan inovasi.
- ❖ Mempunyai sikap berdaya saing.
- ❖ Bertindak lebih awal dan berupaya mendahului jangkaan pelanggan.

Ciri-ciri Profesionalisme (Samb.)

- ❖ Sentiasa memastikan keputusan yang dibuat adalah berlandaskan etika profesionalisme.
- ❖ Elakkan daripada membuat atau mempengaruhi keputusan yang melibatkan percanggahan kepentingan.
- ❖ Sentiasa menjaga imej Jabatan.



KECEMERLANGAN

Usaha warga JKR perlu melebihi tahap yang ditetapkan bagi meningkatkan keunggulan Jabatan.

Ciri-ciri Kecemerlangan:

- ❖ Sentiasa berusaha melakukan yang terbaik.
- ❖ Sentiasa berusaha memperbaiki prestasi kerja.
- ❖ Sentiasa peka dan prihatin kepada kehendak dan kepuasan pelanggan.
- ❖ Berusaha melaksanakan pelbagai tugas (multiple tasks).
- ❖ Sentiasa menampilkan diri dengan berpakaian kemas dan sopan serta berbudi bahasa.



BERTINDAK SEBAGAI SATU PASUKAN

Setiap warga JKR perlu bekerjasama dengan semangat berpasukan bagi mencapai *outcome* yang ditetapkan

Ciri-ciri Semangat Berpasukan:

- ❖ Berusaha kearah mencapai objektif yang sama.
- ❖ Sentiasa bermuafakat dalam membuat keputusan
- ❖ Sentiasa memberi sumbangan dan sokongan kepada Jabatan.
- ❖ Bertolak ansur serta tolong menolong dan saling hormat menghormati.



KEUPAYAAN BEKERJASAMA DENGAN STAKEHOLDER

Setiap warga JKR perlu bekerjasama secara efektif dengan stakeholder demi meningkatkan prestasi penyampaian Jabatan

Ciri-ciri Keupayaan Bekerjasama:

- ❖ Menanam sifat menghargai kebolehan stakeholder.
- ❖ Menerima pendapat dan pandangan orang lain secara terbuka dan rasional.
- ❖ Memahami sesuatu dari perspektif semua pihak.
- ❖ Mempertimbangkan kehendak dan pandangan orang lain bagi mencapai kerjasama yang lebih berkesan



MEWUJUDKAN SUASANA PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

Setiap warga JKR perlu sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan bagi kemajuan kerjaya.

Ciri-ciri Pembelajaran Sepanjang Hayat

- ❖ Sentiasa berusaha memaju dan meningkatkan kemahiran diri.
- ❖ Sentiasa menggalakkan semua pegawai berusaha memajukan diri.
- ❖ Bersedia mempelajari dari pengalaman diri dan orang lain ke arah penambahbaikan.
- ❖ Bersedia menghadiri latihan/kursus yang ditetapkan.
- ❖ Sentiasa peka terhadap perkembangan teknologi terkini.
- ❖ Sentiasa mengamalkan konsep mentor mentee dan 'coaching'.
- ❖ Sentiasa mengukuhkan kompetensi yang telah ditetapkan.
- ❖ Berkongsi pengalaman, maklumat dan pengetahuan



**KOD ETIKA
JABATAN KERJA RAYA**



KOD ETIKA
JABATAN KERJA RAYA

